

Assalamu'alaikum wbt & Salam Sejahtera,

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempelawa Pensyarah Universiti Sains Malaysia yang berkelayakan untuk memohon biasiswa bagi melanjutkan pengajian peringkat Pasca Kedoktoran di dalam atau luar negara bagi tahun 2017.

Maklumat tawaran adalah seperti berikut :

SASARAN :

Pensyarah yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan PhD dan tidak pernah mengikuti pengajian peringkat Pasca Kedoktoran.

TEMPAT PENGAJIAN :

Semua universiti dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan.

IKATAN PERJANJIAN :

Calon yang layak akan dikenakan ikatan perjanjian dan tempoh kontrak berkuat kuasa adalah bergantung kepada tempoh pengajian yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

SYARAT :

1. Warganegara Malaysia;
2. Telah disahkan dalam jawatan
3. Bebas daripada tindakan tatatertib;
4. Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan PhD atau Sarjana Kepakaran;
5. Diperakukan oleh pihak majikan;
6. Tempoh kursus tidak melebihi 2 tahun;
7. Lulus dengan jayanya Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara; dan IELTS/TOEFL (dikecualikan jika dalam negara)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

7 APRIL 2017, Jumaat sebelum 5.00 petang.

BORANG PERMOHONAN :

Borang permohonan boleh dimuatturun dari pautan berikut:

<https://www.dropbox.com/s/gc7rfz8crq40xax/BORANG%20POST-DOKTORAL%20KPT.PDF?dl=0>



BORANG POST-DOKTORAL
KPT.PDF

www.dropbox.com

Shared with Dropbox

Permohonan mestilah dikemukakan kepada :

Unit Pembangunan Staf
Bahagian Sumber Manusia
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

Pihak Universiti akan memanjangkan permohonan yang berjaya kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.